

17/06/2003

Najib ikrar sokongan (HL)

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, menyerahkan

kepada kebijaksanaan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk memilih timbalannya apabila mengambil alih kepemimpinan kerajaan dan parti, Oktober ini.

Sehubungan itu, Najib yang juga Menteri Pertahanan, berkata menjadi tradisi dalam Umno iaitu sesiapa yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri akan mendapat sokongan perwakilan bagi menyandang jawatan nombor dua dalam parti.

"Tradisi yang penting seperti ini perlu dikekalkan jika ahli mahu memastikan Umno terus kukuh," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau mengulas kebimbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kemungkinan berlaku perebutan jawatan Timbalan Presiden Umno selepas persaraannya Oktober ini.

Dalam temu bual dengan sebuah akhbar yang disiarkan, kelmarin, Perdana Menteri khuatir perebutan jawatan kanan parti terutama jawatan nombor dua

pada pemilihan Umno tahun depan boleh menyebabkan pergolakan.

Najib menegaskan, pelantikan Timbalan Perdana Menteri adalah hak dan budi bicara Abdullah sebagai bakal Perdana Menteri dan tiada sesiapa pun patut mempertikaikannya.

"Saya percaya, berdasarkan pengalaman beliau yang amat luas, sudah tentu

Pak Lah akan membuat keputusan berdasarkan kepentingan negara, Umno dan perjuangan kita keseluruhannya.

"Adalah menjadi satu yang janggal jika kita mempertikai atau menyoal pilihan bakal Perdana Menteri bagi jawatan timbalannya," katanya.

Najib berkata, Dr Mahathir sebagai Presiden parti amat prihatin pentingnya Umno sebagai pertubuhan politik, kekal dengan segala kekuatan yang ada untuk meneruskan kesinambungan perjuangannya.

"Kalau kita melihat inti pati temu bual itu, beliau (Dr Mahathir) mengharapkan kita bersatu padu lebih-lebih lagi bagi persiapan menjurus kepada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Ditanya apakah wajar jawatan itu tidak dipertandingkan pada pemilihan parti tahun depan, Najib berkata ahli Umno sepatutnya memberi tumpuan kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum, bukan membuat pelbagai andaian berhubung pemilihan itu.

"Saya yakin parti akan buat apa yang patut untuk menjamin kekuatan kita

tidak terhakis.

"Saya dan pemimpin serta rakan dalam parti akan bekerja kuat supaya saranan Presiden itu dipertahankan. Kita akan mengelakkan kebimbangan beliau itu," katanya.

Sementara itu, Abdullah yang ditemui pemberita semalam berharap pemimpin

kanan Umno berpegang kepada janji masing-masing untuk tidak bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden apabila tidak dipilih sebagai Timbalan

Perdana Menteri.

"Saya akan pegang janji mereka," kata Timbalan Perdana Menteri mengulangi kenyataannya kelmarin bahawa pemimpin kanan parti, termasuk tiga Naib Presiden - Najib, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, bersetuju untuk menyokong sesiapa saja yang akan dipilih sebagai timbalannya.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata demikian selepas menyampaikan ucap-tama Dr Mahathir pada Persidangan Tahunan Kelapan Minyak dan Gas Asia, anjuran Petronas di Hotel Mandarin Oriental di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Muhyiddin kelmarin yang berjanji tidak akan mencabar calon Timbalan Presiden Umno apabila Abdullah memilih sesiapa saja bagi mengisi jawatan Timbalan Perdana Menteri setelah mengambil alih kepemimpinan Umno dan kerajaan Oktober ini.

Mengenai kemungkinan janji itu tidak ditunaikan kerana sejarah politik Umno beberapa kali menyaksikan pertandingan masih berlaku sehingga parti itu pernah diharamkan pada 1987, Abdullah berkata:

"Kita tengoklah... saya ingat kawan-kawan saya ini ikhlas, insya-Allah.

Saya akan pegang janji mereka."